

ICLEI 2015-49 Wan Azlan Wan Ismail

Hubungan Faktor Penghalang Terhadap Penglibatan Pelajar Dalam Pendidikan Jasmani Di Sekolah Menengah

Wan Azlan Wan Ismail^{*a}, Tajul Arifin Muhamad^b

^{*ab}Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

*wanazlan49@yahoo.com

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau faktor penghalang dan penglibatan pelajar dalam aktiviti Pendidikan Jasmani di sekolah menengah. Subjek kajian terdiri daripada n=205 orang pelajar di tiga buah sekolah menengah di daerah Kuala Terengganu, Terengganu. Instrumen yang digunakan merupakan adaptasi daripada Leisure Constraints Scale (LCS) yang dibentuk oleh Carwford et al. (1991). Kajian ini menggunakan analisis deskriptif serta analisis inferensi dalam bentuk Kolerasi Pearson. Hasil kajian telah menunjukkan terdapat kolerasi di antara faktor struktur, interpersonal dan intrapersonal dengan penglibatan pelajar. Kajian ini juga menonjolkan faktor struktur yang paling utama menjadi faktor penghalang penglibatan pelajar dalam aktiviti Pendidikan Jasmani di sekolah menengah. Kajian ini juga mencadangkan agar pihak pengurusan sekolah sentiasa memberi sokongan kepada para guru serta pelajar agar memastikan kelas Pendidikan Jasmani sentiasa dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan supaya pelajar mendapat manfaat yang maksimum.

Kata kunci : Aktiviti Pendidikan jasmani, penglibatan pelajar, halangan struktur, halangan Interpersonal, halangan intrapersonal.

1. Pengenalan

Pendidikan Jasmani merupakan satu subjek penting dalam kurikulum pendidikan formal dalam sistem pendidikan di Malaysia (Safari & Hamdan 2005) dan diiktiraf sebagai salah satu kegiatan yang paling penting untuk membangunkan tabiat aktiviti fizikal semasa remaja (Sallis & Mc Kenzi, 1991). Pendidikan Jasmani juga direka bentuk untuk menyemai keyakinan diri, mematuhi peraturan, meningkatkan kemahiran dan menanam semangat kerjasama antara pelajar. Pendidikan Jasmani merupakan mata pelajaran yang bertujuan mendidik pelajar untuk terlibat dalam aktiviti bersukan, berekreasi, bersosial dan menjaga kesihatan. Selain dari itu, pelajar juga beroleh kemahiran untuk bertindak semasa kecemasan dan boleh mengaplikasikan gaya hidup sihat. Sasaran Pendidikan Jasmani pula untuk menggalakkan para pelajar mengekalkan gaya hidup sihat dengan melibatkan diri dalam aktiviti fizikal yang aktif. Menurut Eleanor Ann et al.(2014) Pendidikan Jasmani membantu meningkatkan kemampuan pelajar melalui aktiviti fizikal, sosial, emosi dan kognitif. Ini bertepatan dengan Matlamat Falsafah Pendidikan dalam membangunkan para pelajar dari segi Jasmani, Emosi, Rohani, Intelektual dan Sahsiah (JERIS). Terdapat banyak faedah yang boleh diperolehi dengan melibatkan diri dalam aktiviti Pendidikan Jasmani yang dirancang seperti membina keyakinan, bersosialisasi, bekerjasama dan sebagainya. Mata pelajaran ini telah diberi peranan utama di dalam sistem pendidikan negara ini, bagi melahirkan warganegara yang sihat, kuat dan cergas di samping menguasai kemahiran sukan dan penerapan aspek pertandingan apabila terpilih menyertai pasukan sukan sekolah.

Matlamat pelajaran Pendidikan Jasmani digubal untuk memenuhi keperluan pertumbuhan dan perkembangan individu bagi membentuk masyarakat yang cergas, sejahtera dan produktif (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001). Pada asasnya mata pelajaran Pendidikan Jasmani diwujudkan untuk membina kekuatan jasmani dan kesihatan para pelajar melalui sukan teras dan beberapa tajuk untuk menjaga kesihatan. Pendidikan Jasmani merupakan satu-satunya mata pelajaran yang bentuk pembelajaran yang bersifat menyeluruh kerana mata pelajaran ini menyediakan elemen-elemen yang boleh dimanfaatkan oleh setiap lapisan pelajar. Ia holistik dan berupaya membangunkan pelajar dari pelbagai aspek dan dapat menghasilkan kejayaan kepada satu kumpulan pelajar (Colfer, 1986). Pendidikan Jasmani merupakan satu program yang sangat penting untuk diperkenalkan kepada pelajar berkaitan aktiviti fizikal sejak dari kanak-kanak hingga dewasa. Jadi mata

pelajaran Pendidikan Jasmani (PJ) ini telah digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dan untuk memenuhi keperluan pertumbuhan dan perkembangan individu bagi membentuk masyarakat yang cergas, sejahtera dan produktif (KPM 1999).

2. Pernyataan Masalah

Pendidikan Jasmani khususnya di sekolah menengah sedang mengalami ketidakstabilan, iaitu kurang diminati di kalangan para pelajar (Desma, 2001 dan Abdul Azizi, 2001). Penglibatan para pelajar dalam pembelajaran aktiviti fizikal masih di tahap rendah. Kenyataan ini dikuatkan lagi dengan kajian yang dibuat oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) mendapati belia di negara ini tidak aktif dalam aktiviti kesenggangan yang mana mereka tidak menyertai sebarang kegiatan atau aktiviti berpersatuan atau kelab, kurang bersukan dan kurang bersenam, dan kebanyakan melakukan aktiviti lepak (2006). Manakala dalam kajian oleh Halijah & Omar Nor (2008) mendapati 81 peratus pelajar menganggap mata pelajaran Bahasa Inggeris 'Sangat Penting', sebanyak 55 peratus bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup di anggap 'Penting'. Bagi mata pelajaran pendidikan Jasmani hanya sebanyak 15 peratus yang menyatakan 'Sangat Penting'.

Kebanyakan pelajar-pelajar yang belajar di peringkat menengah atas kurang berminat dengan aktiviti jasmani dengan memberi pelbagai alasan. Sebahagiannya menyatakan mata pelajaran Pendidikan Jasmani tidak mempunyai nilai akademik, tambahan tubuh badan mereka yang mula membesar, tidak sihat, pakaian tertinggal dan sebagainya. Berbagai alasan yang diberikan oleh pelajar untuk tidak mengikuti aktiviti tersebut. Isu pelajar tidak memakai pakaian sukan semasa kelas Pendidikan Jasmani masih berlarutan hingga kini (Haslindah et al. 2011). Dalam kajian Haslindah et al. (2011) juga mendapati 67.0% guru berpendapat bahawa majoriti pelajar tidak mahu memakai pakaian sukan semasa kelas Pendidikan Jasmani. Sikap pelajar ini telah menyebabkan rasa kecewa di kalangan guru yang mengajar subjek Pendidikan Jasmani. Seterusnya keadaan ini telah menimbulkan tekanan di kalangan guru-guru yang mengajar pelajaran Pendidikan Jasmani. Sewajarnya satu kajian tentang halangan penglibatan dalam Pendidikan Jasmani ini perlu diterokai bagi mengenal pasti punca sebenarnya permasalahan.

3. Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor penghalang penglibatan pelajar sekolah menengah dalam aktiviti Pendidikan Jasmani. Melalui kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran sebenar dan faktor utama yang manakah menghalang pelajar sekolah menengah dalam Pendidikan Jasmani. Di antara objektif yang di kaji ialah:

- i. Mengetahui tahap halangan penglibatan dalam intrapersonal, interpersonal dan struktur aktiviti Pendidikan Jasmani dalam kalangan pelajar sekolah menengah
- ii. Mengetahui tahap halangan penglibatan berdasarkan jantina.
- iii. Menentukan hubungan antara faktor halangan intrapersonal, interpersonal dan struktur dengan penglibatan pelajar.

4. Kaedah Kajian

Reka bentuk kajian ini ialah kaedah tinjauan. Bilangan sampel dalam kajian ini ialah seramai 205 orang pelajar di daerah Kuala Terengganu, Terengganu iaitu terdiri daripada 92 orang pelajar lelaki dan 113 orang perempuan. Tinjauan ini akan menggunakan soal selidik sebagai alat untuk mengumpul data. Soal selidik yang digunakan adalah diadaptasi dan diubahsuai daripada Mirsafian (2014). Soal selidik yang asal dibentuk oleh Crawford et al. (1993) dinamakan '*Leisure Constraints Questionnaire*' (LCQ). Soal selidik asal ini mempunyai 21 soalan. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan 46 soalan mengikut keperluan kajian dengan melakukan beberapa perubahan. Nilai *Alpha Cronbach* yang dihasilkan menunjukkan semua item dalam soal selidik mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh digunakan dalam kajian sebenar iaitu faktor intrapersonal (0.773), interpersonal (0.776), struktur (0.788) dan penglibatan (0.706).

5. Dapatan Kajian

Bahagian ini akan menerangkan hasil analisis data dan keputusan kajian. Analisis yang dibuat untuk menjawab objektif kajian yang digariskan.

5.1 Dapatan Kajian 1

Objektif: Mengenal pasti tahap halangan penglibatan dalam intrapersonal, interpersonal dan struktur aktiviti Pendidikan Jasmani dalam kalangan pelajar sekolah menengah

Jadual 1: Skor min bagi faktor penghalang penglibatan pelajar sekolah menengah di dalam aktiviti Pendidikan Jasmani.

Faktor Penghalang	Min	N	SD
Intrapersonal	3.77	205	0.513
Interpersonal	3.46	205	0.615
Struktur	3.80	205	0.721

Jadual 1 di atas menunjukkan skor min bagi faktor penghalang penglibatan pelajar sekolah menengah di dalam aktiviti Pendidikan Jasmani. Satu titik potong (*cut-off point*) dirujuk bagi memudahkan perbincangan tentang dapatan kajian bagi skor min yang diperolehi. Huraian secara terperinci adalah seperti Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Titik potong (*cut-off point*) bagi skor min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.0 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.67	Sederhana
3.68 hingga 5.00	Tinggi

Sehubungan dengan itu, Jadual 1 di atas menunjukkan dimensi struktur berada pada tahap paling tinggi dengan kedudukan min 3.80. Manakala dimensi intrapersonal berada pada tahap yang tinggi dengan skor min 3.77 dan diikuti dimensi interpersonal juga berada pada tahap sederhana tinggi dengan skor min 3.46. Secara keseluruhannya, didapati faktor-faktor penghalang berada pada tahap yang tinggi dengan purata skor min 3.68. Dapatan ini menunjukkan bahawa secara keseluruhan faktor penghalang bagi dimensi struktur adalah lebih tinggi mempengaruhi pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti Pendidikan Jasmani.

5.2 Dapatan Kajian 2

Objektif 2: Mengenal pasti tahap halangan penglibatan berdasarkan jantungina.

Ujian t telah dilaksanakan bagi tujuan mengukur perbezaan tahap kepercayaan mengikut jantungina responden. Berdasarkan Jadual 6, data menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan tahap faktor penghalang terhadap penglibatan pelajar dalam Pendidikan Jasmani.

Jadual 2: Ujian t bebas antara tahap halangan penglibatan berdasarkan jantina

Dimensi	Jantina	n	Min	Sisihan Piawai	t	df	Sig.
Intrapersonal	Lelaki	92	3.807	0.451	0.842	203	0.401
	Perempuan	113	3.747	0.560			
Interpersonal	Lelaki	92	3.480	0.575	0.446	203	0.656
	Perempuan	113	3.442	0.648			
Struktur	Lelaki	92	3.802	0.681	0.029	203	0.977
	Perempuan	113	3.799	0.756			

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar lelaki dan pelajar perempuan mempunyai tahap halangan penglibatan aktiviti pendidikan jasmani dalam dimensi intrapersonal, interpersonal dan struktur yang sama atau hampir sama. Walau pun perbezaan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan tidak signifikan, namun Jadual 2 menunjukkan skor min pelajar lelaki adalah lebih tinggi berbanding pelajar perempuan bagi ketiga-tiga dimensi iaitu intrapersonal, interpersonal dan struktur. Ini menggambarkan bahawa tahap faktor halangan terhadap penglibatan pelajar lelaki sebenarnya adalah lebih tinggi berbanding dengan pelajar perempuan.

5.3 Dapatan Kajian 3

Objektif 3: Menentukan hubungan antara faktor halangan intrapersonal, interpersonal dan struktur dengan penglibatan pelajar.

Jadual 3 di bawah menunjukkan nilai pekali kolerasi di antara skor faktor halangan intrapersonal, interpersonal, struktur dengan penglibatan pelajar sekolah menengah dalam aktiviti Pendidikan Jasmani adalah positif. Hasil analisis data kajian dari jadual 3 menunjukkan ketiga-tiga faktor halangan mempunyai hubungan yang signifikan dengan penglibatan pelajar. Pembolehubah intrapersonal mempunyai hubungan yang signifikan dengan penglibatan pelajar ($r=0.609$). Interpersonal dan struktur juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan penglibatan iaitu masing-masing ($r=0.590$) dan ($r=0.630$). Manakala hubungan antara intrapersonal dan interpersonal ($r=0.486$), intrapersonal dengan struktur ($r=0.724$), dan interpersonal dengan struktur ($r=0.499$). Huraian secara terperinci boleh dilihat pada jadual dibawah.

Jadual 2: Keputusan kolerasi antara faktor halangan struktur dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti Pendidikan Jasmani

Pembolehubah	Penglibatan	Intrapersonal	Interpersonal	Struktur
Penglibatan	-			
Intrapersonal	0.609**	-		
Interpersonal	0.590**	0.486**	-	
Struktur	0.630**	0.724**	0.499**	-

** Signifikan pada aras keyakinan 0.01

Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara faktor halangan struktur dengan penglibatan pelajar sekolah menengah dalam aktiviti Pendidikan Jasmani mempunyai hubungan yang tinggi. Anggaran kekuatan hubungan adalah berdasarkan cadangan Wiersma (2000) seperti dalam Jadual 4.

Pekali Kolerasi	Kekuatan Hubungan
0.10-0.29	Lemah
0.30-0.49	Sederhana
0.50-1.00	Tinggi

6. Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor utama yang menjadi penghalang penglibatan pelajar sekolah menengah dalam aktiviti Pendidikan Jasmani di sekolah adalah struktur. Dapatan kajian ini disokong oleh (Boothby et al., 1981) yang menyatakan bahawa faktor-faktor yang menghalang penglibatan individu dalam Pendidikan Jasmani berkait rapat dengan dua jenis perubahan iaitu (1) perubahan yang berlaku terhadap kemampuan fizikal dan mental individu, dan (2) perubahan yang berlaku dalam hubungan individu dengan persekitaran bersukan seperti ciri-ciri aktiviti, rangkaian kemudahan, keadaan sosial dan ekonomi serta gaya hidup. Faktor-faktor penghalang kesenggangan dalam model Crawford dan Godbey (1987) adalah asas teori dalam bidang kajian ini. Ia menggunakan proses membuat keputusan individu dalam mengenal pasti faktor-faktor penghalang penglibatan ini. Model ini telah dimajukan dengan mengambil kira juga hierarki proses membuat keputusan individu dari yang paling kuat kepada yang paling lemah dalam mengenal pasti faktor-faktor penghalang penglibatan tersebut. Menurut model ini, faktor penghalang struktur adalah paling tinggi di antara ketiga-tiga kategori ini. Manakala faktor penghalang yang paling lemah ialah intrapersonal. Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Crawford dan Godbey (1987).

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor penghalang struktur adalah merupakan faktor yang dominan yang menghalang penglibatan responden kajian dalam aktiviti Pendidikan Jasmani di sekolah. Faktor-faktor tersebut mengganggu kecenderungan dan penglibatan aktiviti kesenggangan individu seperti sumber kewangan, peruntukan masa dan peluang (Crawford & Godbey, 1987). Mc Guire (1984) pula telah mendefinisikan faktor-faktor penghalang ini sebagai masalah-masalah yang menghalang penglibatan di dalam aktiviti bersukan dan juga penggunaan kemudahan aktiviti bersukan oleh individu. Menurutnya, masalah-masalah ini akan membataskan kekerapan penglibatan dan penggunaan kemudahan aktiviti bersukan. Ini termasuklah ciri-ciri kemudahan atau program aktiviti bersukan seperti kesesakan kemudahan dan kedudukan yang tidak strategik yang menyebabkan kemudahan tersebut tidak dapat digunakan dan program tidak dapat dijalankan. Menurut model faktor penghalang kesenggangan Crawford et al., (1991), faktor penghalang struktur merupakan faktor-faktor penghalang penglibatan tahap ketiga dalam hierarki setelah individu berjaya mengatasi faktor-faktor penghalang intrapersonal di tahap pertama dan faktor interpersonal di tahap kedua.

Berdasarkan dapatan kajian di atas mendapati bahawa terbukti faktor halangan struktur memainkan peranan yang terpenting dan menjadi penyebab menjadi penghalang penglibatan para pelajar sekolah menengah di dalam kelas Pendidikan Jasmani. Faktor struktur ini adalah faktor-faktor yang mengganggu kecenderungan dan penglibatan aktiviti kesenggangan individu (Crawford & Godbey, 1987). Perkara ini memang jelas di mana faktor struktur sangat memainkan peranan penting dalam menentukan faktor penghalang penglibatan di kalangan pelajar sekolah menengah. Faktor ini melibatkan kemudahan sukan, persekitaran pelajar, pengangkutan ke sekolah, lokasi kemudahan sukan, maklumat berkaitan sukan dan kesesakan penggunaan alat sukan berkenaan. Sekiranya para pelajar berasa seronok dengan lokasi kemudahan sukan, pergerakan ke tempat bermain yang mudah, alat yang cukup dan maklumat yang lengkap para pelajar akan menjadi seronok. Ini akan menggalakkan penglibatan para pelajar di dalam aktiviti kelas Pendidikan Jasmani. Ini bersesuaian dengan kenyataan Cox (2002), yang menyatakan motif utama seseorang pelajar melibatkan diri dengan aktiviti sukan adalah kerana keseronokan yang dikecapi dan sekiranya keseronokan itu hilang maka mereka akan berhenti menyertainya. Ini disokong pula dengan kajian oleh Siti Ruzina Saron (2002) mendapati 90 peratus daripada 30 responden menyatakan bahawa kemudahan asas dan peralatan sukan yang ada di sekolah tidak mencukupi bagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani. Jadi daripada dapatan kajian ini membuktikan faktor

struktur merupakan faktor yang sangat kuat mempengaruhi penglibatan para pelajar di dalam kelas Pendidikan Jasmani.

Merujuk dapatan kajian ini penyelidik berpendapat bahawa faktor halangan intrapersonal memainkan peranan kedua terpenting selepas faktor struktur dalam menjadi penghalang penglibatan pelajar sekolah menengah. Faktor intrapersonal berkaitan dengan kesetabilan psikologi individu yang boleh mempengaruhi penglibatan seseorang seperti minat, perasaan (malu), persepsi terhadap kemahiran diri, nilai yang dipegang, kepercayaan agama dan budaya setempat. Ternyata hasil kajian ini faktor interpersonal mempengaruhi penglibatan para pelajar. Menurut Abdul Malik (2001) mendapati bahawa faktor usia, agama dan kekuatan semasa menjalankan aktiviti adalah merupakan faktor yang tidak dapat menarik minat pelajar perempuan terhadap mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Sebaliknya faktor lain seperti faktor penampilan dan aktiviti guru semasa pengajaran, pandangan masyarakat, budaya, sifat aktiviti yang muskulin dan bentuk fizikal pelajar perempuan itu sendiri merupakan faktor yang boleh menarik minat terhadap mata pelajaran Pendidikan Jasmani.

Manakala faktor interpersonal berkaitan faktor-faktor luaran yang melibatkan interaksi atau perhubungan antara individu yang boleh mempengaruhi penglibatan seseorang di dalam aktiviti Pendidikan Jasmani seperti rakan sekelas, galakan daripada rakan, sokongan keluarga dan pengaruh rakan sebaya. Kajian yang dibuat oleh Pritchard (1988) dalam Stewart et.al (1990) menunjukkan sampel yang dikaji menunjukkan bahawa sikap ibu bapa, guru dan pelajar sekolah menengah prihatin terhadap mata pelajaran Pendidikan Jasmani kerana sumbangannya terhadap kesihatan dan kecergasan individu.

Dapatan kajian menunjukkan pelajar kurang berminat untuk melibatkan diri dalam Pendidikan Jasmani kerana faktor struktur seperti tekanan, masa, kebimbangan, kewangan, peralatan dan kekangan kemudahan sukan. Berdasarkan pengamatan penyelidik kebanyakan sekolah khususnya di Kuala Terengganu masih kekurangan kemudahan sukan seperti gelanggang serba guna, kemudahan bilik sukan yang tidak sempurna, dewan tertutup dan peralatan sukan yang terhad serta lama. Kesimpulannya, penyelidik mendapati bahawa wujud hubungan yang signifikan di antara faktor struktur dengan penglibatan pelajar sekolah menengah dalam Pendidikan Jasmani. Namun bentuk dan kekuatan yang wujud berdasarkan dapatan kajian adalah positif. Ini membuktikan faktor struktur yang paling dominan jika dibandingkan dengan faktor interpersonal dan faktor intrapersonal.

Secara keseluruhannya, kajian ini merumuskan bahawa ketiga-tiga faktor sama ada faktor struktur, faktor interpersonal dan faktor intrapersonal sebenarnya berperanan menjadi faktor penghalang dalam penglibatan pelajar sekolah menengah di dalam aktiviti Pendidikan Jasmani. Dapatan kajian ini mengesahkan kepada kita bahawa faktor struktur yang paling besar pengaruhnya di antara ketiga-tiga faktor itu, ini tidak bermakna faktor lain tidak mempengaruhi langsung. Jadi hasil kajian ini memberi gambaran kepada penyelidik bagaimana pelajar sekolah menengah yang dikaji ini sangat mementingkan kemudahan sukan yang lengkap, persekitaran yang sesuai, lokasi kemudahan, maklumat kemudahan, dan kesesakan kemudahan bagi mendorong atau menjadi penghalang mereka terlibat dengan aktiviti Pendidikan Jasmani. Ini disokong oleh kajian Haslindah et al. (2011) mendapati 99.4% responden berpendapat pihak sekolah perlu menyediakan bilik persalinan pakaian dan rak menyimpan barang. Penyediaan kemudahan ini banyak membantu pelajar bagi memastikan barangan peribadi mereka tidak hilang semasa kelas Pendidikan Jasmani.

7. Kesimpulan

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor penghalang struktur adalah merupakan faktor yang dominan yang menghalang penglibatan dalam aktiviti Pendidikan Jasmani di sekolah. Model faktor-faktor penghalang kesenggangan Crawford dan Godbey (1987) adalah asas teori dalam bidang kajian ini. Ia menggunakan proses membuat keputusan individu dalam mengenal pasti faktor-faktor penghalang penglibatan ini. Dalam kajian ini pula model faktor penghalang kesenggangan Crawford, Jakson dan Godbey (1991) telah digunakan. Model yang telah dimajukan ini telah mengambil kira juga hierarki proses membuat keputusan individu dari yang paling kuat kepada yang paling lemah dalam mengenal pasti faktor-faktor penghalang penglibatan tersebut. Menurut model ini, faktor penghalang struktur adalah paling kuat di antara ketiga-tiga kategori ini. Manakala faktor penghalang yang paling lemah ialah intrapersonal.

Faktor struktur tersebut mengganggu kecenderungan dan penglibatan aktiviti kesenggangan individu seperti sumber kewangan, peruntukan masa dan peluang (Crawford & Godbey, 1987). McGuire (1984) pula telah mendefinisikan faktor-faktor penghalang ini sebagai masalah-masalah yang menghalang penglibatan di

dalam aktiviti bersukan dan juga penggunaan kemudahan aktiviti bersukan oleh individu. Katanya lagi masalah-masalah ini akan membataskan kekerapan penglibatan dan penggunaan kemudahan aktiviti bersukan. Ini termasuklah ciri-ciri kemudahan atau program aktiviti bersukan seperti kesesakan kemudahan dan kedudukan yang tidak strategik yang menyebabkan kemudahan tersebut tidak dapat digunakan dan program tidak dapat dijalankan. Kajian ini mendapati bahawa memang terbukti bahawa faktor halangan struktur memainkan peranan yang terpenting dan menjadi penyebab menjadi penghalang penglibatan para pelajar sekolah menengah di dalam aktiviti Pendidikan Jasmani.

Dalam kajian oleh Siti Ruzina Saron (2002) yang mendapati 90 peratus daripada 30 responden menyatakan bahawa kemudahan asas dan peralatan sukan yang ada di sekolah tidak mencukupi bagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani. Kemudahan peralatan dan fizikal juga memainkan peranan yang sangat penting untuk menggalakkan pelajar-pelajar wanita dan lelaki menyertai kegiatan sukan. Oleh itu penyediaan peralatan dan kemudahan aktiviti pengajaran yang secukupnya, seperti bilik persalinan khas, almari kecil, dewan khas dan gimnasium yang membolehkan digunakan ketika cuaca buruk, serta memastikan peralatan sukan lengkap dan terkini. Hal ini akan dapat mengekalkan minat murid terhadap pelajaran Pendidikan Jasmani (Zainun, 1995). Tanpa kemudahan ini, sudah tentu pelajar-pelajar wanita dan lelaki di sekolah menengah atas tidak akan dapat menyertai kegiatan Pendidikan Jasmani dengan sempurna dan seterusnya mematikan minat pelajar-pelajar tersebut.

Faktor interpersonal pula berkaitan faktor-faktor luaran yang melibatkan interaksi atau perhubungan antara individu yang boleh mempengaruhi penglibatan seseorang di dalam aktiviti Pendidikan Jasmani seperti rakan sekelas, galakan daripada rakan, sokongan keluarga dan pengaruh rakan sebaya. Kajian yang dibuat oleh Pritchard (1988) dalam Stewart et.al (1990) merumuskan bahawa sikap ibu bapa, guru dan pelajar sekolah menengah prihatin terhadap mata pelajaran Pendidikan Jasmani kerana sumbangannya terhadap kesihatan dan kecergasan individu. Seterusnya faktor intrapersonal yang berkaitan dengan kesetabilan psikologi individu yang boleh mempengaruhi penglibatan seseorang seperti minat, perasaan (malu), persepsi terhadap kemahiran diri, nilai yang dipegang, kepercayaan agama dan budaya setempat. Berkaitan dengan agama, Ab. Halim dan Kamarulzaman (2004) menyatakan Islam menggalakkan Pendidikan Jasmani kerana ianya memberikan sumbangan yang penting dalam perkembangan dan pembangunan diri pelajar. Diharapkan melalui Pendidikan Jasmani para pelajar berpeluang menikmati keseronokan semasa menjalankan aktiviti fizikal bagi meningkatkan dan mengekalkan kecergasan sekali gus mengurangkan tekanan (Mohamad Nizam et al. 2008). Di samping itu, guru-guru PJ, pentadbir sekolah dan ibu bapa perlu memahami mekanisme faktor penghalang ini supaya dapat menarik minat para pelajar untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti Pendidikan Jasmani dan memastikan gaya hidup yang aktif sepanjang hayat.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Kamarulzaman Abdul Ghani. 2004. *Isu-isu Pelaksanaan Pendidikan Jasmani di sekolah : Analisis daripada perspektif Pendidikan Islam*. Seminar Kebangsaan Pendidikan Sukan & Rekreasi 2004. Penerbit UKM : Bangi.
- Abdul Malek b. Abd Rahman. 2001. *Faktor-faktor yang menarik minat pelajar-pelajar Perempuan sekolah menengah terhadap pendidikan jasmani: Satu tinjauan di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai* (Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Crawford, D. & Godbey, G. 1987. Conceptualizing barriers to family recreation. *Leisure Sciences* 9, 119-127.
- Crawford, D.W., Jackson, E.L. & Godbey, G. 1991. A hierarchical model of leisure constraints. *Leisure Sciences*, 13, 309-320.
- Cox, R.H. 2002. *Sport psychology: Concepts and applications* (5th ed.). Boston: Mc Graw Hill Companies.
- Darinda Asri. 1990. Masalah-masalah dalam kurikulum Pendidikan Jasmani masa kini di sebuah sekolah contoh: *Jurnal Maktab Perguruan Sandakan, Sabah* 8.
- Eleanor Ann Tan Lye Neo, Munira Mohsin, Chia Chiow Ming dan Gananathan M. Nadarajah. 2014. *Kurikulum dan Pedagogi Pendidikan Jasmani*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Halijah Ibrahim & Omar Abu Bakar. 2008. *Tanggapan Kepentingan Mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan di sekolah menengah*. (Edisi Pertama) Sekudai: Penerbit UTM.
- Hamdan Mohd. Ali. 2000. *Cabaran memajukan sukan melalui pendidikan dalam masyarakat majmuk*. Kepelbagaian Pelajar: Cabaran dan strategi pengajaran. Seminar Prosiding Pendidikan Kebangsaan 2000. Bangi: Penerbit UKM.

- Haslinda Nursan, Diyana Zulaikha Abdul Ghani, Mohad Anizu Md Nor, Halijah Ibrahim, Zainal Abidin zainuddin dan Syahrul Ridhwan Morazuki. 2011. Persepsi Pelajar dan Guru Sekolah Menengah Terhadap Isu Pemakaian Pakaian Sukan Semasa Kelas Pendidikan Jasmani. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Jasmani (NCPE)*. Anjuran Institut Pendidikan Guru Sultan Mizan pada 27-29 Jun 2011.
- Julismah Jani. 2011. *Pengenalan Ilmu Konten Pedagogi dalam Pendidikan Jasmani dan Sains Sukan (Edisi Ke-2)*. Tanjung Malim: UPSI.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 1994. *Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- McGuire, F.A. 1984. A factor analytic study of leisure constrains in advanced adulthood. *Leisure Science*, 6, 313-326.
- Muhamad Nizam Nazaruddin, Zakiah Noordin, Mohd Khairuddin Abdullah & Anuar Din. 2008. Orientasi matlamat motif penyertaan pelajar menengah luar bandar di Sabah dalam Pendidikan Jasmani dan sukan. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 1 (1),123-134.
- Mohad Anizu Mohd. Nor. 2011. *Kecergasan Fizikal Ke arah Hidup Sihat Sepanjang Hayat*. Johor Bharu: Penerbit UTM Press.
- Mohd Sofian Omar Fauzee. 2002. *Sosial-Psikologi sukan dan kegiatan fizikal*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Zamri Mahamod dan Kamarulzaman Ab. Ghani. 2008. Motivasi Pembelajaran Kemahiran Bahasa Arab dan Hubungannya dengan Pencapaian Pelajar. *Jurnal Pendidikan (UKM)*, 33,3-18
- Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, Tingkatan 1-5. 2003.. Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pusat Perkembangan Kurikulum.1999. *Sukatan Pelajaran Rendah dan Menengah: Pendidikan Jasmani*. Kementerian Pendidikan Malaysia: Kuala Lumpur.
- Raymore, L., Godbey, G., Crawford, D.& Von Eye, A. 1993. A nature and process of leisure Constrains. *An empiricial test. Leisure Sciences* 15, 99-113.
- Raymore, L., Godbey, G., Crawford, D.& Von Eye, A. 1993. A nature and process of leisure Constrains. *An empiricial test. Leisure Sciences* 15, 99-113.
- Safani Bari & Hamdan Mohd Ali.2005. Aktiviti Pendidikan Jasmani Suaian Pelajar Berkeperluan Khas (atas talian) http://www.Mpbl.edu.my/inter/penyelidikan/kertas_seminar2005.
- Sallis, J.F. 1991. Self-report measures of children's physical activity. *Journal of school health*, 61, 5, 215-219.
- Salbiah Bakar & Hamidah Abdullah. 1999. *Penyertaan pelajar-pelajar perempuan dalam pebgajaran dan pembelajaran pendidikan jasmani-kekangan*. Kertas kerja ini dibentangkan dalam konvesyen Pendidikan Negeri Perak 1999: Pendidikan Jasmani Kesihatan sekolah Menengah. Ipoh, Perak: Jabatan Pendidikan Negeri Perak.
- Wiersma, W. 2000. Research method in education: an introduction. Edisi ke-7. Boston: Allyn and Bacon.
- Zainun Ishak. 1995. *Pengajaran Pendidikan Jasmani KBSM: Sejauh mana keberkesanannya?*. Masalah Pendidikan. Penerbit Universiti Malaya.